

17 FEB 2000

Mahathir-Muhammad

MUHAMMAD TAIB BOLEH HADIR MESYUARAT MT

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib yang bercuti daripada menjalankan tugas sebagai naib presiden Umno, kini dibenarkan menghadiri semula mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Beliau boleh mengambil tempat dalam mesyuarat MT sebagai Naib Presiden," kata Perdana Menteri yang juga Presiden Umno selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini, hari ini.

Ditanya mengapa Muhammad hanya dibenarkan berbuat demikian sekarang sedangkan kes mahkamahannya telah lama selesai, Dr Mahathir berkata bekas Menteri Besar Selangor itu telah membuat rayuan pada MT.

"Beliau membuat rayuan dan kita mempertimbangkannya, kita tiada sebab kerana dia didapati tidak bersalah," katanya.

Muhammad, 53, meletak jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor pada April 1997 berikutan kes-kes mahkamah yang perlu dihadapinya dan selepas itu dibenarkan bercuti daripada menjalankan tanggungjawabnya sebagai naib Presiden Umno.

Masalah Muhammad bermula dengan penahanannya di Lapangan Terbang Brisbane, Australia pada akhir 1996 kerana gagal mengisytiharkan wang tunai pelbagai mata wang berjumlah RM2.7 juta.

Pada Mei 1998, Mahkamah Brisbane mengisytiharkan Muhammad yang menjadi naib Presiden Umno sejak 1993, sebagai bebas daripada segala tuduhan.

Pada 10 April tahun lepas, Peguam Negara memutuskan untuk tidak membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di sini yang membebaskan Muhammad daripada tuduhan gagal mengisytiharkan harta milik beliau dan keluarganya.

Pada tahun lalu, MT tidak membenarkan Muhammad daripada bertanding dalam pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian kerana masih menghadapi kes mahkamah ketika itu.

Dr Mahathir juga berkata, keputusan menerima balik Muhammad turut dibuat kerana beliau tidak melakukan apa-apa kesalahan terhadap parti semasa tempoh bercuti.

Sebelum ini, Muhammad telah menyatakan hasratnya untuk mempertahankan jawatan Naib Presiden pada pemilihan Umno Mei ini.

-- BERNAMA

AR HS PR